

Dilema memilih MB baru Perak

Kepentingan, dasar parti berbeza rumitkan penentuan calon sesuai

Analisis

Oleh Ridzuan Yop

KINI selepas tiga hari keputusan Pilihan Raya Umum Ke-12 diketahui, pakatan pembangkang yang menang majoriti mudah 31 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Perak, menemui jalan buntu untuk mencapai kata sepakat bagi menentukan siapa bakal menjadi Menteri Besar.


Selepas kerajaan Pas-Parti Keadilan Rakyat (PKR) Kedah, DAP-PKR di Pulau Pinang dan PKR-DAP-Pas di Selangor berupaya membentuk kerajaan dengan majoriti mudah serta menamakan bakal Menteri Besar



Mohammad Nizar - Pas



Ngeh Koo Ham - DAP



Jamaluddin Mohd Radzi - PKR

serta menentang baka Menteri Besar dan Ketua Menteri masing-masing, pakatan pembangkang di Perak bagaikan tidak se-kata.

Di Perak, negeri yang majoriti Melayu tetapi DAP memperoleh kerusi DUN paling banyak iaitu 18, diikuti PKR (tujuh) dan Pas (enam) dengan jumlah 31 kerusi, berbanding BN 28 kerusi. Negeri itu mempunyai 59 kerusi DUN.

Mengikut Perlembagaan Negeri Perak, hanya Melayu beragama Islam boleh dilantik menjadi Menteri Besar. Ini bermakna, peluang calon DAP menjadi Menteri Besar agak payah meskipun memperoleh kerusi terbanyak di kalangan pembangkang.

Bagaimanapun Seksyen 12(2) perlembagaan itu menyatakan Sultan Perak mempunyai hak mengemukakan salah satu syarat berkenaan atau kedua-duanya sekali berdasarkan pertimbangan Baginda.

Ini juga bermakna, calon DAP masih boleh menyandang jawatan Menteri Besar tetapi bergantung kepada budi bicara Sultan Perak.

Berikutan itu, ketiga-tiga parti terbabit diberi tempoh sehingga pagi ini untuk menyerahkan nama calon masing-masing untuk dipilih Sultan Perak dengan majlis angkat sumpah sebagai Menteri Besar dijangka diadakan selewat-lewatnya esok.

"Kami diterima menghadap Pemangku Raja Perak Raja Dr Nazrin Shah hari ini (semalam) untuk menyampaikan permuafakatan tiga parti menubuhkan kerajaan campuran dan senarai nama calon jawatan itu," kata Pesuruhjaya Pas Perak, Ahmad Awang di Ipoh semalam.

Ketiga-tiga parti, katanya, bersetuju untuk menerima siapa saja yang dipilih oleh istana bagi mengetuai kerajaan campuran berkenaan.

"Kami juga mahu sesiapa saja yang di-

pilih nanti mesti dilantik sebagai Menteri Besar kerajaan campuran dan bukannya mewakili mana-mana parti kerana ini kerajaan barisan rakyat bukannya kerajaan Pas, DAP atau PKR," katanya.

Sehingga kelmarin, pakatan pembangkang berhadapan masalah siapa yang lebih layak untuk menjadi Menteri Besar Perak yang baru.

DAP berpendapat wakilnya lebih layak menjadi Menteri Besar (MB) kerana mereka menang lebih banyak kerusi tetapi ketika yang sama jika mereka tidak bergabung dengan Pas dan PKR mereka tidak mampu menubuhkan kerajaan.

Untuk menubuhkan kerajaan negeri dengan majoriti mudah memerlukan 30 kerusi tetapi DAP cuma mempunyai 18 kerusi. DAP tidak boleh membentuk kerajaan negeri tanpa kedua-dua PKR dan Pas, malah tidak akan dapat berbuat demikian tanpa salah satu daripada parti berkenaan.

Begitu juga kedudukan DAP di Pulau Pinang yang tidak boleh membentuk kerajaan negeri tanpa penyertaan PKR. Di pulau mutiara itu, DAP memperoleh 19 kerusi tetapi untuk membentuk kerajaan negeri dengan majoriti mudah memerlukan 21 kerusi, yang hanya boleh disumbang PKR dengan sembilan kerusi manakala Pas cuma satu kerusi.

Keadaan yang sama juga berlaku di Selangor dengan PKR mempunyai 15 kerusi dan DAP (13), menjadikan jumlahnya 28, tetapi majoriti mudah memerlukan 29 kerusi dan ini berjaya diselesaikan dengan sumbangan lapan kerusi Pas.

Di Kedah, DAP cuma mempunyai satu kerusi tetapi gabungan kerusi Pas (16) dan PKR (4) sudah berupaya membentuk kerajaan negeri yang cuma memerlukan 19 kerusi untuk majoriti mudah.

Di Perak, masalah yang berlaku kelihatannya amat rumit kerana masing-masing mempunyai kepentingan dan dasar parti yang berbeza.

DAP menang di kerusi DUN Jelapang, Pantai Remis, Sitiawan, Pasir Pinji, Kepala Yang, Menglembu dan Keranji serta merampas kerusi Bercham, Buntong, Aulong, Pokok Assam, Canning Garden, Pasir Bedamar, Sungkai, Jalong, Tebing Tinggi, Tro-noh, Keranji dan Malim Nawar dari Barisan Nasional (BN).

PKR menang di DUN Hutan Melintang, Behrang, Kuala Kurau, Kuala Sepetang, Simpang Pulai, Teja dan Changkat Jering, manakala PAS menang di Pasir Panjang, Titi Serong, Gunung Semanggol, Selinsing, Lubuk Merbau and Changkat Jong.

BN Perak menang 28 kerusi dengan calon Umno memenangi 27 kerusi, manakala MCA menyumbang hanya satu kerusi di DUN Chenderiang.

Penasihat DAP, Lim Kit Siang yang ditanya mengenai pelantikan Menteri Besar Perak di kalangan pembangkang hanya berkata: "DAP akan menyokong DAP," katanya yang enggan mengulas lanjut.

Memang benar DAP mempunyai jumlah kerusi yang banyak, tetapi parti itu juga perlu menerima hakikat bahawa Perak adalah negeri orang Melayu, sedangkan mereka sudah memperoleh Pulau Pinang.

Tidak kurang juga yang mengambil jalan mudah bagi menyelesaikan masalah itu dengan berharap ahli pembangkang sedia ada melompat ke BN untuk membolehkan BN menubuhkan kerajaan negeri.

Kemungkinan kegiatan lompat parti berlaku tidak boleh dinafikan jika masalah memilih Menteri Besar serta pengenalan dasar tertentu dalam pakatan pembangkang yang amat bertentangan antara satu

sama lain.

DAP dengan 'Malaysia Malaysian' manakala Pas mahukan kerajaan yang bertunjangkan Islam yang jelas sama sekali tidak dipersetujui oleh DAP yang bersikap sekular dan menolak penubuhan sebuah negara Islam seperti yang pernah dilayangkan oleh Pas.

Semua parti terbabit perlu mengambil kira perasaan dan hati penyokong dan pengundi yang memilih mereka untuk membentuk kerajaan yang mempunyai kehe-dak dan fahaman yang juga berbeza.

Pengerusi DAP Perak, Ngeh Koo Ham berkata, DAP mencalonkan nama di kalangan ahli mereka, begitu juga dengan Pas dan PKR untuk ditentukan Sultan Perak.

Ngeh yang dihubungi bagaimanapun, enggan mendedahkan nama calon DAP yang akan diserahkan kepada Sultan Perak.

Beliau hanya berkata, pihak istana meminta pakatan pembangkang menyerahkan senarai nama Menteri Besar yang mereka calonkan serta senarai nama barisan Exco yang bakal menerajui pelbagai portfolio.

"Kita akan mengadakan mesyuarat serta berbincang dengan pemimpin Pas dan PKR berhubung perkara itu dan akan menyerahkan kepada Sultan Perak pagi esok (pagi ini)," katanya.

Bagaimanapun, PAS hampir pasti mencalonkan Setiausaha Badan Perhubungan Pas Perak, Mohamad Nizar Jamaluddin sebagai Menteri Besar. Mohamad Nizar, 51 seorang jurutera menang di DUN Pasir Panjang mengalahkan calon BN, Vasan Sina-durai dengan majoriti 4,474 undi.

PKR pula kemungkinan mencalonkan Jamaluddin Mohd Radzi yang menang di DUN Behrang, manakala DAP dipercayai menamakan Ngeh yang menang di DUN Siti-awan.